

## Penukaran Penyelesaian-i Family First

### Soalan-Soalan Lazim

**S1: Apakah IFSA 2013?**

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 adalah Akta yang mengawal dan menyelia institusi kewangan Islam untuk mempromosikan kestabilan kewangan, memastikan pematuhan Syariah dan juga sebarang perkara yang berkaitan, berbangkit atau sampingan.

Akta tersebut memperkenalkan dua klasifikasi utama produk untuk penerimaan wang daripada pelanggan oleh bank-bank Islam sama ada ke dalam akaun deposit atau akaun pelaburan Islam.

Di bawah definisi baharu ini, semua produk deposit yang menggunakan pakai kontrak Syariah *Mudarabah* (perkongsian untung) dan *Wakalah bi al-istithmar* (perwakilan untuk tujuan pelaburan) akan diklasifikasikan sebagai produk pelaburan, bukannya produk deposit. Oleh yang demikian, manfaat dan keistimewaan produk deposit tidak akan lagi diguna pakai, contohnya perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

**S2: Dengan definisi baharu untuk deposit ini, apakah yang akan berlaku kepada akaun saya?**

Bagi mematuhi IFSA dan mengekalkan status akaun sedia ada anda sebagai deposit perbankan Islam, kami dengan sukacitanya akan menukar akaun Penyelesaian-i Family First sedia ada anda iaitu Akaun-i Harian dan Akaun-i Simpanan Khas di bawah kontrak Syariah *Mudarabah* (perkongsian untung) kepada *Wadi'ah Yad Dhamanah* (simpanan dengan jaminan).

**S3: Bilakah tarikh penukaran?**

Penukaran tersebut dijadual untuk dilaksanakan pada 21 Jun 2015; untuk menukar kesemua akaun Penyelesaian-i Family First sedia ada di bawah kontrak Syariah *Mudarabah* (perkongsian untung) kepada *Wadi'ah Yad Dhamanah* (simpanan dengan jaminan).

**S4: Siapakah yang akan terlibat apabila penukaran dilaksanakan?**

Semua pelanggan sedia ada (individu & bukan individu) yang mengekalkan akaun Penyelesaian-i Family First di bawah kontrak *Mudarabah* akan terlibat.

**S5: Apakah akaun-akaun baharu Penyelesaian-i Family First?**

Akaun-akaun baharu Penyelesaian-i Family First mengaplikasikan kontrak Syariah *Wadi'ah Yad Dhamanah* (simpanan dengan jaminan). Di bawah *Wadi'ah Yad Dhamanah*, pelanggan mendeposit wang dengan bank untuk tujuan simpanan dan dengan kebenaran kepada bank untuk menggunakan wang yang didepositkan. Bank dengan itu menjamin pembayaran deposit atas permintaan.

Selain daripada perubahan kontrak Syariah yang baharu seperti di atas, anda akan terus menikmati ciri-ciri unik dan menarik Penyelesaian-i Family First sedia ada anda antara lain termasuklah mempunyai sehingga 10 sub-akaun yang disertakan dengan Akaun-i Harian utama anda.

Tiada sebarang perubahan pada nama akaun, nombor akaun, baki akaun dan klasifikasi iaitu ianya kekal sebagai deposit perbankan Islam.

**S6: Bagaimanakah pemetaan Penyelesaian-i Family First sedia ada saya kepada Penyelesaian-i Family First baharu di bawah penukaran ini?**

Sedia Ada		Baharu
Akaun-i Harian <i>Mudarabah</i> (perkongsian untung)	⇒	Akaun-i Harian <i>Wadi'ah Yad Dhamanah</i> (simpanan dengan jaminan)
Akaun Simpanan-i Khas <i>Mudarabah</i> (perkongsian untung)	⇒	Akaun Simpanan-i Khas <i>Wadi'ah Yad Dhamanah</i> (simpanan dengan jaminan)

**S7: Bolehkah saya terus menggunakan Kad Family First dan buku cek sedia ada saya?**

Ya. Anda boleh terus menggunakan Kad Family First dan buku cek sedia ada anda seperti sedia kala. Sebarang aturan sedia ada seperti arahan tetap, auto-debit dan sebagainya akan terus berjalan seperti sedia kala.

**S8: Selepas penukaran kepada deposit perbankan Islam, adakah akaun-akaun saya akan dijamin oleh bank dan dilindungi PIDM?**

Memandangkan akaun tersebut diklasifikasikan di bawah deposit perbankan Islam, prinsipal akan dijamin sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit, untuk setiap ahli bank/ entiti oleh PIDM.

**S9: Mengapakah saya perlu menukar akaun saya kepada produk baharu ini?**

Lambat-laun, kesemua akaun deposit sedia ada yang berasaskan kontrak Syariah *Mudarabah* dan *Wakalah bi al-istithmar* tidak akan lagi diklasifikasikan sebagai deposit. Sebaliknya, akaun-akaun ini akan diklasifikasikan semula sebagai akaun pelaburan. Penukaran produk-produk ini perlu dilaksanakan bagi memastikan akaun anda kekal sebagai deposit untuk ianya terus layak dilindungi oleh PIDM.

**S10: Apakah yang akan terjadi kepada Akaun-i Harian dan Akaun Simpanan-i Khas sedia ada saya sekiranya saya tidak ingin untuk menukarkannya kepada deposit perbankan Islam?**

Sekiranya anda tidak ingin menukar Akaun-i Harian dan Akaun Simpanan-i Khas sedia ada anda, anda boleh ke cawangan AmBank Islamic/ AmBank yang terdekat untuk menutup akaun anda. Anda boleh seterusnya mendeposit dana anda ke dalam produk-produk deposit lain seperti Akaun Simpanan-i, Akaun Semasa-i atau Deposit Bertempoh.

**S11: Adakah terdapat sebarang fi dan caj dikenakan selepas penukaran Akaun-i Harian dan Akaun Simpanan-i?**

Ya, fi dan caj sedia ada kekal tanpa perubahan dengan tambahan 6% Cukai Barangan dan Perkhidmatan.

**S12: Adakah saya perlu ke cawangan AmBank Islamic/ AmBank untuk mengemaskini akaun saya selepas pelaksanaan penukaran tersebut?**

Tidak. Anda tidak perlu ke cawangan AmBank Islamic/ AmBank untuk mengemaskini akaun selepas pelaksanaan penukaran tersebut. Seperti yang dinyatakan di S6, kesemua rekod akaun-akaun sedia ada anda kekal tanpa perubahan selepas penukaran.